

Kerajaan akan siasat latar belakang Pamatong

UM 30 DEC 2001

KUALA LUMPUR 29 Dis. —

Kerajaan akan menyiasat latar belakang **Elly** Pamatong yang mendakwa dirinya sebagai peguam mewakili bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur **Misuari**.

Perdana Menteri, Datuk **Seri** Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu perlu diambil oleh kerajaan **bagi** mengenal **pasti diri** **Elly Pamatong** yang sebenarnya.

Menurut beliau, kerajaan **juga** terpaksa mengambil langkah sedemikian **bagi** mengetahui pihak **mana** yang **te**lah **memberi** mandat kepada Pamatong untuk **campur tangan** berhubung isu yang membabitkan Nur Misuari yang ketika **ini** berada di negara **ini**.

"Kita pun nak tahu **juga** siapakah dia **ini**? **Barang** kali dalam hal **ini** **Pergerakan Pemuda** UMNO berasa **sangsi** sama ada benar atau tidaknya Pamatong **ini** sebagai peguam. .

"Kita nak tahu **juga** kalau dia **campur tangan** dalam hal **ini** apakah mandatnya?" katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung **Parti Progresif Penduduk (PPP)** ke-48 di **Pusat Dagangan** Dunia Putra (PWTC) hari **ini**.

Semalam, Pemuda UMNO menggesa kerajaan **menyiasat** latar belakang Pamatong yang mendakwa dirinya sebagai peguam **Nur Misuari**.

Ketua Penerangan **pergerakan** itu, Azimi Daim berkata, setakat **ini** tiada **pengesahan** atau bukti yang **menunjukkan** Pamatong sebagai peguam kepada pemimpin **Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF)** itu.

Sebelum **ini**, Pamatong telah mengeluarkan beberapa kenyataan berhubung dengan Misuari antaranya, **mencada-**

ngkan kepada kerajaan Malaysia supaya membenarkan **enam** anak bekas gabenor itu yang **kini** menetap di Arab Saudi melawat bapa mereka di **sini**.

Pada 18 Disember lalu, **Pamatong** meminta Malaysia membenarkan perlindungan politik sementara kepada Misuari sehingga dia **dihantar** ke negara ketiga.

Pamatong **juga** dilaporkan menulis surat kepada Dr. Mahathir **bagi** meminta lebih masa ekoran **tarikh** akhir 24 Disember lalu untuk **menghantar** pulang **Misuari** agak **suntuk**

Dalam **pada** itu, **Perdana Menteri** menegaskan **kerajaan** tetap akan menghantar pulang Misuari ke Filipina.

"Kita tidak membuat **sebarang** pertukaran rancangan. Kerajaan akan **terus** melaksanakan rancangan **asal** iaitu **menghantarnya** (Misuari) pulang ke Filipina.

"Dan **kita** tidak akan **melindungi** Misuari walaupun ada permintaan daripada **mana-mana** pihak," tambahnya.